

Inovasi pensyarah UMP bangunkan kandungan digital PdP

Oleh **Asrol Awang** - Januari 24, 2021 @ 11:58am
bhnews@bh.com.my



Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE) Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Madya Dr Hamdan Daniyal menunjukkan studio yang dibangunkan untuk Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). - Foto ihsan UMP



PreviousNext

KUANTAN: Bagi melahirkan graduan berkualiti dalam norma baharu ketika berdepan pandemik COVID-19, Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengambil inisiatif menghasilkan sebuah studio berinovasi.

Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE), Prof Madya Dr Hamdan Daniyal, berkata inisiatif itu untuk memastikan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian lebih menarik dan interaktif.

Katanya, studio berkenaan dilengkapi pelbagai kemudahan seperti layar hijau, tablet dan kamera berkualiti tinggi seiring corak pendidikan yang fleksibel dan transformasi digital dalam PdP.

"Kajian membangunkan studio ini dimulakan dengan membabitkan beberapa pensyarah dan staf teknikal sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama pada 18 Mac tahun lalu.

"Ini kerana pensyarah sendiri berdepan masalah untuk menyampaikan pengajaran membabitkan subjek teknikal, terutama program kejuruteraan.

"Dengan adanya studio ini, pelajar seolah-olah berada secara bersemuka dengan penyampaian yang lebih interaktif," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Hamdan berkata, sejak Mei hingga November tahun lalu, FTKEE menghasilkan lebih 800 video bagi kegunaan PdP.

"Saya akui proses yang dilalui sangat mencabar kerana dalam norma baharu, pembelajaran menuntut pensyarah untuk mendalami pelbagai ilmu dan kemahiran.

"Ilmu rakaman video, animasi, kemahiran bercakap di depan kamera sambil mengekalkan hubungan mata.

"Proses pembelajaran menuntut komitmen yang lebih besar daripada pensyarah dan yang lebih utama ialah dalam kalangan pelajar," katanya.